



BAGAIMANA MENGRURUS KEWANGAN NEGARA TANPA CUKAI

Di antara perkara terhangat yang dibincangkan semasa pembentangan bajet 2014 lalu adalah tentang cukai barangan dan perkhidmatan (GST) yang akan dilaksanakan oleh kerajaan pada 1 April 2015. Kehangatan perbincangannya masih lagi berterusan sehingga kini. Dalam perkembangan terbaru, Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak, ketika berucap merasmikan seminar Pemerkasaan Ekonomi Nasional di auditorium Masjid Wilayah Persekutuan, berkata, sesiapa yang mengelak untuk membayar cukai boleh dianggap sebagai satu pengkhianatan kepada negara. Mengulas mengenai langkah kerajaan dalam pelaksanaan sistem cukai GST, Najib berkata, walaupun langkah tersebut tidak dilihat sebagai satu tindakan popular tetapi pelaksanaannya adalah demi kebaikan rakyat [UM25/11/2013]. Sementara itu, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Ahmad Maslan berkata, kerajaan boleh menyelesaikan defisit negara dalam tempoh hanya setahun tanpa perlu menunggu hingga tahun 2020 sekiranya tidak memperuntukkan pemberian subsidi berjumlah RM44 bilion kepada rakyat. Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan mengenai langkah kerajaan mengurangkan beban hutang negara selain pelaksanaan GST [UM25/11/2013]. Dalam perkembangan yang sama sebelumnya, Jabatan Kastam Diraja Malaysia menjangka untuk mengutip kira-kira RM21 bilion (tambahan RM5 bilion hingga RM6 bilion) dalam cukai setahun sebaik sahaja GST dikuatkuasakan [UM22/11/2013].

Walau apa pun alasan kerajaan, rakyat yang waras tidak akan dapat menerima GST yang bakal menjadi beban baru kepada mereka, sebagai tambahan kepada beban-beban sedia ada dengan kerakusan kerajaan menaikkan harga minyak dan gula baru-baru ini yang berimpak kepada kenaikan harga barang-barang lain juga. Inilah realiti sebuah negara demokrasi Kapitalisme di mana sifatnya adalah menindas rakyat melalui penguatkuasaan undang-undang yang akan memberi keuntungan kepada mereka. Sejak dulu, cukai merupakan senjata utama sesebuah negara Kapitalis dalam menghisap darah rakyatnya. Di Malaysia sebagai contoh, jumlah hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2012 adalah sebanyak RM207.9 bilion di mana daripada jumlah ini, cukai langsung berjumlah RM116.9 bilion atau 56.2% daripada jumlah hasil keseluruhan; cukai tak langsung RM34.7 bilion atau 16.7%, manakala hasil bukan cukai berjumlah RM56.3 bilion atau 27.1%. Antara sumber terbesar cukai langsung ialah cukai pendapatan syarikat (RM51.3 bilion), cukai pendapatan petroleum (RM33.9 bilion), cukai pendapatan individu (RM23 bilion) dan duti setem (RM5.6 bilion). Bagi kategori cukai tak langsung, sumber utama adalah terdiri daripada duti eksais ke atas barangan import dan keluaran tempatan (RM12.2 bilion), cukai jualan (RM9.5 bilion) dan cukai perkhidmatan (RM6.5 bilion) meliputi 79% daripada kategori cukai tersebut. Sementara itu, kutipan dividen daripada Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) sebanyak RM26.3 bilion dan royalti petroleum sebanyak RM6.4 bilion merupakan dua sumber terbesar hasil bukan cukai meliputi 58.1% daripada kategori hasil tersebut.

Sumber Pendapatan Negara Khilafah

Apabila berbincang tentang pendapatan negara, antara persoalan yang sering dilontarkan ialah, jika bukan dari cukai, dari manakah kerajaan akan mendapat pendapatan? Sautun Nahdhah (SN192 dan SN279) telah pun menjawab persoalan ini secara umum. Kali ini kami perdalamkan sedikit pembaharuan mengenai ini agar dapat memberi lebih pencerahan kepada para pembaca. Di dalam Islam, segala pendapatan dan pengeluaran dalam Negara Khilafah ditadbir urus oleh Baitul Mal. Untuk Sektor Pendapatan Negara, terdapat tiga bahagian yang berasingan di dalam Baitul Mal:-

Pertama: Bahagian *Fai' dan Kharaj* - Dalam bahagian ini, beberapa kategori pendapatan Baitul Mal mempunyai hubungan secara langsung dengan dakwah dan jihad. Melalui dakwah dan jihad, berlakunya *futuhat* (pembukaan) ke seluruh alam di mana banyak negeri-negeri baru akan bergabung ke dalam Daulah Khilafah, sama ada secara perang mahupun damai. Hal ini secara langsung akan mendatangkan sumber pendapatan kepada Baitul Mal dari harta rampasan perang (*ghanimah*) yang mencakupi *anfal, fai'* dan *khumus*. Jadi semakin Islam disebarkan ke seluruh penjuru dunia melalui dakwah dan jihad, maka semakin banyaklah pendapatan yang akan masuk ke dalam Baitul Mal dari harta rampasan perang ini.

Kategori pendapatan lainnya adalah *kharaj* (bayaran ke atas tanah). *Kharaj* merupakan hak kaum Muslimin atas tanah yang diperoleh (dan menjadi sebahagian dari *ghanimah*) dari orang-orang kafir, baik melalui peperangan mahupun melalui perjanjian damai. Terhadap tanah *kharajiyah* (negeri taklukan yang penduduknya telah masuk Islam) seperti Iraq, Syam, Mesir, Libya, Algeria, Maghribi, Albania, Bosnia dan negeri-negeri di Asia Tengah, maka di sana berlaku hukum *kharaj* sampai Kiamat. Setiap penduduk (Muslim dan non-Muslim) yang memanfaatkan tanah *kharaj* diwajibkan membayar *kharaj* kepada negara. Nilai *kharaj* yang diambil oleh negara atas tanah tersebut dihitung berdasarkan kandungan tanahnya dengan memperhatikan keadaan lingkungan tanah tersebut. Sedangkan terhadap negeri yang penduduknya masuk Islam seperti Indonesia dan Malaysia atau tanah yang statusnya bukan tanah *kharaj*, maka hukum *kharaj* tidak berlaku di situ, kerana tanah tersebut merupakan tanah *usyriyyah* yang wajib dikeluarkan zakatnya.

Kategori pemasukan lainnya adalah *jizyah* (bayaran kepala). *Jizyah* merupakan hak Allah yang diberikan kepada kaum Muslimin dari orang-

orang kafir sebagai ketundukan mereka kepada Islam. *Jizyah* juga adalah terkait dengan hasil dakwah dan jihad. Pihak yang wajib membayar *jizyah* adalah para ahli kitab iaitu orang-orang Yahudi dan Nasrani dan yang bukan ahli kitab seperti orang-orang Majusi, Hindu, Buddha, Komunis dan lain-lain yang telah menjadi warga negara Khilafah. *Jizyah* diambil dari orang-orang kafir lelaki, baligh, berakal dan mampu. *Jizyah* tidak wajib atas wanita, anak-anak dan orang gila. *Jizyah* akan berhenti dipungut oleh negara jika orang kafir tersebut telah masuk Islam.

Sumber pendapatan lainnya dalam bahagian ini adalah *usyur*. *Usyur* dipungut terhadap pedagang dari negara kafir *harbi* atas barang dagangan mereka yang melewati perbatasan Negara Khilafah. Tindakan ini dilakukan sebagai balasan setara atas negara mereka yang telah mengenakan cukai ke atas pedagang Muslim yang melewati perbatasan mereka. *Usyur* juga dipungut dari pedagang kafir *dzimmi* yang melewati perbatasan Khilafah, disebabkan adanya perjanjian damai antara kaum Muslimin dengan mereka yang mana fasalnya mencakup tentang *usyur* ini. Tetapi jika *usyur* tidak disebutkan dalam perjanjian damai maka tidak boleh dipungut *usyur* dari pedagang kafir *dzimmi* tersebut. Jadi *usyur* dipungut kerana adanya sebab-sebab yang syarie sahaja. Sedangkan jika tidak ada sebab-sebab seperti di atas, maka pungutan (cukai) terhadap perdagangan lintas sempadan, hukumnya adalah haram, sebagaimana yang disebutkan dalam hadis yang diriwayatkan dari Uqbah bin Amir, Nabi SAW bersabda, "Tidak akan masuk syurga orang yang memungut cukai."

Selain itu, jika negara mengalami suatu keadaan sehingga Baitul Mal tidak mampu membiayai kewajipan-kewajibannya, maka kewajipan

SEMINAR TERBUKA

"KHILAFAH ABAD 21 SEMAKIN HAMPIR"

Tarikh: 8 Disember 2013 (Ahad)

Tempat: TS HOTEL, No. 17, Jln Rusa 1, Tmn Scientex,
Pasir Gudang, Johor

Masa: 8.30 pagi - 1.00 ptg

Maklumat lanjut sila hubungi - 019-7710101 Sdr. Azaman
- 012-9292696 Sdri Khadijah

= Masok Percuma, Muslimin & Muslimat Dijemput Hadir =

ini beralih kepada kaum Muslimin. Dalam keadaan ini, negara berhak memungut *dharibah* daripada kaum Muslimin. Rasulullah SAW bersabda, “*Sesungguhnya pada harta benda itu ada hak (untuk diambil) di luar zakat*” [HR Tarmizi]. *Dharibah* ini hanya dikenakan ke atas kaum Muslimin dan tidak boleh dipungut daripada warga negara non-Muslim. Pemungutan *dharibah* ini dilakukan dari sisa nafkah (setelah ditolak biaya keperluan hidupnya) dari harta orang-orang kaya iaitu dari baki pemenuhan keperluan primer dan sekundernya yang makruf. Jumlah *dharibah* yang dipungut secara makro harus sama dengan jumlah keperluan Baitul Mal yang digunakan untuk memenuhi kewajipan-kewajipan Baitul Mal tadi, sehingga *dharibah* tidak boleh dipungut melebihi keperluan sepatutnya. Apabila keperluan Baitul Mal telah dipenuhi dan Baitul Mal sudah mampu memenuhi kewajipan-kewajipannya dari sumber-sumber pendapatan rutin, maka pungutan *dharibah* mesti dihentikan.

Selain dari pendapatan-pendapatan yang disebutkan di atas, negara juga memperoleh pendapatan dari 1/5 harta *rikaz*, harta pusaka yang tidak ada lagi ahli warisnya, harta tidak sah yang dimiliki penjawat awam dan harta orang-orang murtad.

Dilihat dari pendapat Bahagian Fai’ dan Kharaj ini, terdapat perbezaan yang jelas antara sumber pendapatan Negara Islam dan negara Kapitalis. Cukai dalam Kapitalisme ditetapkan melalui undang-undang yang dibuat di parlimen sehingga bagaimana cukai diterapkan sangat tergantung kepada kepentingan dan hawa nafsu para anggota parlimen dan juga pemerintah. Sedangkan di dalam Islam, pendapatan negara itu ditetapkan berdasarkan nas-nas syarak. Ringkasnya, cukai dalam sistem kapitalis merupakan satu bentuk “rampasan” ke atas harta manusia yang “disahkan” melalui pembuatan undang-undang.

Selain cukai, negara-negara maju dan membangun yang menghadapi masalah kewangan akan mengambil jalan keluar melalui hutang. Akibatnya negara-negara kreditor dan lembaga kewangan antarabangsa seperti Bank Dunia dan IMF dapat mengawal polisi ekonomi dan politik negara yang berkenaan sehingga polisi-polisi yang lahir di negara tersebut sangat merugikan rakyatnya sendiri dan hanya memberikan keuntungan kepada negara-negara kreditor, pelabur asing dan swasta. Di negara-negara maju, defisit bajet selalu ditutupi dengan pinjaman domestik. Pemerintah akan mengeluarkan bon dan menjualnya kepada para pelabur dari dalam dan luar negeri. Pada akhirnya beban hutang luar negeri dan hutang domestik akan menjadi beban rakyat, kerana pembayaran hutang tersebut diperoleh melalui cukai. Malaysia turut tidak terkecuali dari mengambil hutang dan rakyatlah yang menjadi mangsa untuk membayarnya melalui pelbagai bentuk cukai yang dikenakan. Sehingga 30 Sept 2013, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan ialah sebanyak RM529.2 bilion atau 53.6 peratus daripada KDNK. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM512.3 bilion atau 96.8 peratus merupakan hutang dalam negeri manakala baki RM16.9 bilion atau 3.2 peratus merupakan hutang luar negeri [UM 25/ 11/2013]. Pelaksanaan GST adalah salah satu cara di mana harta rakyat dirampas “secara sah” untuk membayar hutang kerajaan.

Sebaliknya di dalam Islam, jika ekonomi negara mengalami krisis di mana tidak ada pendapatan lagi dalam Baitul Mal, maka kewajipan-kewajipan tersebut beralih kepada kaum Muslimin yang kaya atau mampu. Dalam keadaan di mana krisis ekonomi tersebut menyebabkan warga negara jatuh miskin, maka secara automatik mereka yang miskin itu tidak dikenakan *jizyah* (untuk orang-orang kafir) atau apa jua bayaran (untuk orang-orang Islam), malah sebaliknya mereka akan dibayar oleh negara dengan biaya yang diambil dari orang-orang Muslim yang kaya. Negara Khilafah tidak akan sekali-kali membuat pinjaman luar negeri mahu pun pinjaman domestik seperti yang dilakukan oleh negara-negara maju dan membangun sekarang ini, kerana selain mengandungi riba, ia juga akan menyebabkan kaum Muslimin berada dalam kekuasaan asing.

Jika negara-negara Kapitalis hanya memiliki cukai sebagai sumber utama pendapatan negara, maka tidak demikian dengan Negara Khilafah. Masih ada dua bahagian sumber-sumber pendapatan di dalam Baitul Mal yang semuanya itu merupakan sumber utama pendapatan negara, iaitu Bahagian Pemilikan Umum dan Bahagian Sadaqah (zakat). Sistem Ekonomi Kapitalis tidak memiliki sumber pendapatan dari pemilikan umum kerana sistem kufur ini hanya mengiktiraf dua jenis pemilikan sahaja iaitu pemilikan individu (*private*

ownership) dan pemilikan negara (*state ownership*). Sistem kufur ini juga memberikan kebebasan kepada setiap individu atau syarikat atau negara dalam hal pemilikan di mana mereka boleh memiliki apa jua harta yang diharamkan oleh Islam, selama diperoleh dengan cara-cara yang “sah” menurut undang-undang yang mereka gubal.

Seseorang atau sesebuah syarikat atau negara contohnya boleh memiliki sebanyak mungkin kekayaan dari hasil judi, hasil riba, hasil saham, hasil insurans dan hasil haram lainnya kerana semua itu dibenarkan oleh undang-undang. Bukan sekadar memiliki, sumber-sumber ekonomi itu juga bebas diperjualbelikan. Oleh itu, tidak aneh jika kekayaan alam milik umat seperti minyak, gas, emas, arang batu, hutan dan banyak lagi, dikuasai oleh beberapa individu dan konglomerat, sehingga segala hasil bumi ini dikaut habis-habisan oleh segelintir pihak sahaja. Sudahlah rakyat tidak mendapatkan manfaat sama sekali dari kekayaan alam anugerah Allah tersebut, malah rakyat dihipit lagi dengan masalah kerosakan alam akibat eksploitasi yang tidak bertanggung jawab oleh pihak terbabit.

Islam telah membahagikan pemilikan kepada tiga jenis iaitu pemilikan peribadi (*al-milkiyyah al-fardhiyyah*), pemilikan umum (*al-milkiyyah al-ammah*) dan pemilikan negara (*al-milkiyyah al-daulah*) dan ketiga-tiga kategori pemilikan ini tidak boleh dilanggar atau ditukar ganti mengikut hawa manusia. Dalam konteks *al-milkiyyah al-ammah*, Islam telah membahagikannya kepada tiga kategori iaitu (i) Fasilitas/Sarana umum yang jika tidak ada pada suatu negeri/tempat/komuniti, ia akan menyebabkan orang ramai bersengketa untuk mendapatkannya seperti air. (ii) Bahan galian yang jumlahnya tidak terbatas (banyak) seperti minyak, gas, emas, bijih timah, besi, uranium dan lain-lain (iii) Sumber daya alam yang sifat pembentukannya menghalangi untuk dimiliki secara individu, seperti laut, sungai, danau dan seumpamanya. Kesemua ini adalah milik umum yang boleh dinikmati dan diagihkan segala keuntungannya kepada setiap individu umat.

Kedua: Bahagian Pemilikan Umum (*al-Milkiyyah al-Ammah*) – Bahagian ini merupakan bahagian yang mempunyai potensi besar dalam membiayai pengeluaran Baitul Mal yakni berupa sumber alam seperti minyak, gas, emas dan sebagainya. Negeri-negeri kaum Muslimin di seluruh dunia sesungguhnya telah dianugerahi Allah SWT dengan kekayaan alam yang melimpah ruah. Namun, oleh sebab pengkhianatan pemimpin yang menjadikannya sebagai milik peribadi atau milik negara, maka kekayaan alam ini tidak sampai kepada umat tetapi dikaut oleh mereka dan kroni mereka. Sebenarnya dengan kekayaan alam sahaja sudah cukup untuk memberikan kesejahteraan kepada rakyat. Sungguh ironis apabila mereka yang berkhianat kepada rakyat dengan merampas hak rakyat dan mengenakan cukai yang haram ke atas rakyat, tetapi sebaliknya menuduh rakyat berkhianat kepada negara kerana tidak membayar cukai!!!

Ketiga: Bahagian Sadaqah (zakat) - Zakat merupakan suatu kewajipan kaum Muslimin dan salah satu rukun Islam. Tugas negara adalah memungut zakat dari kaum Muslimin dan mengumpulkannya di Baitul Mal di dalam Bahagian Sadaqah, kemudian menyulurkannya mengikut ketentuan syarak. Jika orang yang wajib membayar zakat menolak membayarnya, maka negara boleh memaksanya agar memenuhi kewajipannya dan orang itu boleh dikenakan *takzir* jika tetap ingkar. Zakat tetap dipungut oleh negara selama mana masih ada orang yang wajib membayarnya dan tidak akan dihentikan kewajipan ini meskipun harta zakat yang terkumpul di Baitul Mal sudah melimpah ruah manakala orang yang berhak menerimanya tidak ada. Dalam hal ini, fungsi negara dalam mengelola zakat adalah semata-mata kerana implimentasi ibadah ritual kaum Muslimin terhadap Allah SWT, bukan kerana alasan ekonomi. Maksudnya, zakat bukan dipungut dalam keadaan wujud masalah ekonomi dan dihentikan apabila tiada masalah ekonomi. Namun sekali lagi kita melihat dalam negara yang mengamalkan sistem ekonomi Kapitalis pada hari ini di mana zakat telah disalah uruskan sehingga masih terdapat ramai rakyat yang miskin walhal jumlah zakatnya mencecah bilion ringgit.

Sesungguhnya segala kezaliman yang menimpa umat Islam ini berpunca dari sistem demokrasi kufur yang diterapkan ke atas kita dan tidak ada jalan lain untuk kita menikmati segala keindahan Islam kecuali dengan adanya Negara Khilafah yang akan menerapkan hukum Allah ke atas kita semua. *Wallahu a'lam*.